

Headline **Lebih 90000 dijangkit HIV di Malaysia**
Date **23 May 2011**
MediaTitle **Kosmo**
Section **Negara**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **115,967 / 406,000**

Language **Malay**
Page No **15**
Article Size **92 cm²**
Color **Black/white**
ADValue **425**
PRValue **1,275**



Lebih 90,000 dijangkiti HIV di Malaysia

KOTA BHARU – Seramai 91,362 rakyat Malaysia telah dijangkiti HIV dan 16,352 orang disahkan menghidap AIDS dalam tempoh 25 tahun ketika kali pertama virus tersebut dikesan di negara ini pada 1986.

Pengerusi Yayasan AIDS Malaysia (MAF), Profesor Dr. Adeeba Kamarulzaman berkata, dalam tempoh sama, sebanyak 12,943 kematian telah direkodkan disebabkan oleh epidemik itu.

Menurutnya, masyarakat perlu sedar bahawa kerajaan telah menyediakan rawatan perubatan percuma yang cukup berkesan kepada penghidap HIV/AIDS sejak rawatan itu dimulakan pada 2001, namun hanya kira-kira 12,000 pesakit mahu dirawat.

“Saya mahu masyarakat tahu bahawa HIV/AIDS bukan sekadar memikirkan akhir hayat tetapi sekarang sudah ada rawatan yang amat berkesan, malah jangka hayat pesakit boleh bertambah sehingga antara 30 dan 40 tahun.

“Kita tidak boleh cakap dapat menghapuskan virus itu 100 peratus tetapi rawatan ini sangat berkesan dan kemungkinan jangkitan boleh diturunkan sebanyak 96 peratus jika menerima rawatan,” katanya di sini semalam.

Terdahulu, beliau menghadiri Bengkel Latihan Fasilitator Manual Islam dan HIV/AIDS Kelantan yang dirasmikan Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Othman Musthapa.

Turut hadir pada bengkel itu ialah Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan, Datuk Che Mohd. Rahim Hussien.